

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
KAWASAN : JERANTUT
TARIKH : 16 JUN 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS (JERANTUT) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tahap kualiti jalan raya di Malaysia berbanding dengan negara-negara Asia yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan raya di negara ini telah direka bentuk dan dibina berasaskan kepada Arahan-Arahan Teknik (Jalan) mengikut piawaian atau spesifikasi yang diiktiraf antarabangsa.

Spesifikasi Pembinaan Jalan dan Arahan Teknik Jalan JKR ini telah digubal dengan mengambil kira piawaian antarabangsa, seperti British Standard (BS), American Association of State Highway and Transportation (AASHTO), Australian Roads (Austroads) dan Transport Research Laboratory (TRL) United Kingdom. Arahan Teknik Jalan JKR ini sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan perkembangan teknologi global. Sehubungan itu, kualiti pembinaan jalan raya di negara ini adalah setanding dengan negara-negara maju yang lain kerana ia mematuhi tahap piawaian antarabangsa.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI[DUNGUN]

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI [DUNGUN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keberkesanan ESSCOM dalam menangani pencerobohan perairan di Sabah dan adakah ESSCOM telah membuat penilaian terhadap mekanisme dan sistem operasinya serta tindakan yang telah diambil oleh ESSCOM dalam menangani penambahbaikan dan langkah keselamatan bagi Sabah.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. ESSCOM telah menilai semula mekanisme operasi dan satu pelan operasi berkonsepkan "*layered responses*" telah digunakan. Pengoperasian ESSCOM akan lebih berkesan dan lebih bersistem dengan adanya penambahan segera keanggotaan dan aset termasuk penempatan serta penambahan radar yang berkualiti.

2. Langkah-langkah yang telah diambil melalui ESSCOM dan agensi-agensinya penguatkuasaan, keselamatan dan pertahanan untuk memastikan keselamatan di Pantai Timur Sabah berada di dalam keadaan yang terkawal adalah seperti berikut:

- i) Penambahan dan penggantian aset maritim kepada Pasukan Polis Marin (PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Pertambahan aset-aset ini akan dapat meningkatkan kehadiran dan rondaan aset maritim di kawasan perairan yang menjadi potensi ancaman;
- ii) Pembahagian sektor rondaan pelbagai agensi di laut bagi menambahkan keberkesanan pengawasan;
- iii) Response Team/komuniti *policing* mengikut sektor diantara PDRM, ATM dan APMM;

- iv) Peningkatan atur gerak trup dari wilayah lain ke ESSZONE dan rondaan bersepadu ATM dan PGA di daratan;
- v) Penambahbaikan/peningkatan pos-pos keselamatan;
- vi) Op Gasak bagi membersihkan penjenayah/PATI. Sejak 24 Nov 2013 sehingga sekarang, seramai 1296 PATI telah ditahan dan seramai 3,323 orang telah diperiksa.;
- vii) Pemantauan Udara Bersepadu oleh Pasukan Gerak Udara (PGU) dan ATM;
- viii) Pengwujudan 5 balai polis baru dan 3 balai polis yang sedia ada di naik taraf;
- ix) Pengukuhan keselamatan pulau-pulau yang ada pusat-pusat peranginan;
- x) *Engagement* dengan semua *stakeholders* di ESSZONE;
- xi) Peningkatan kerjasama dengan agensi-agensi keselamatan/perisikan Filipina; dan
- xii) Melaksanakan pendaftaran awal "*Pump Boat*" bagi tujuan pengawalan.

2. Kerajaan juga akan mengambil beberapa langkah baru yang bertujuan untuk memastikan keadaan keselamatan di kawasan tersebut sentiasa berada di tahap yang baik. Antara langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- i) Perancangan pewujudan *Sea Basing* di perairan ESSZONE dengan kerjasama PETRONAS;
- ii) Penguatkuasaan *Designated Route* atau laluan khusus untuk kapal-kapal/bot yang akan masuk perairan Sabah; dan
- iii) Penubuhan unit-unit sukarelawan iaitu ATM, Polis, JPAM, RELA dan sebagainya.

Sekian. Terima Kasih.